

13 MAY 1999

Mahathir-Melayu

PEMBANGUNAN NEGARA KERANA PENTADBIR CEKAP

SHAH ALAM, 13 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pembangunan dan kemajuan yang dicapai oleh Malaysia setakat ini adalah kerana ia mempunyai sebuah kerajaan yang terdiri daripada mereka yang cekap mentadbir dan mengurus negara.

Perdana Menteri berkata kejayaan dan pembangunan sesebuah negara tidak akan berlaku hanya semata-mata dengan mencapai kemerdekaan, sebaliknya ia banyak bergantung kepada kecekapan kerajaan yang memerintah.

"Jangan fikir kemajuan dan pembangunan akan berlaku hanya kerana kita sudah merdeka. Ianya tak akan berlaku jika tidak dirancang dan dilaksanakan oleh kerajaan yang cekap," katanya ketika berucap merasmikan bangunan Umno Selangor setinggi 10 tingkat berharga RM25 juta di Jalan Persiaran Perbandaran di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata beliau amat kesal sekarang ini ada pihak yang cuba bukan sahaja menidakkan sumbangan Umno sebagai teras kerajaan dalam memajukan negara khususnya orang Melayu, tetapi juga cuba menukar budaya orang Melayu daripada budaya berterima kasih kepada benci-membenci dan budaya bersopan santun kepada budaya memaki hamun dan mencarut.

"Amat malang sekali ada percubaan oleh orang Melayu sendiri untuk menidakkan sumbangan Umno kepada orang Melayu dan cuba untuk menukar budaya Melayu supaya tidak lagi bersyukur dan berterima kasih.

"Golongan ini berkata cukuplah sekadar bersyukur kepada tuhan sahaja. Orang Melayu tidak berhutang barang sedikitpun dengan Umno.

"Apa yang lebih menyedihkan ialah apabila siap sebuah masjid yang dibina oleh kerajaan, mereka datang untuk memaki hamun orang-orang yang mendirikan masjid itu dan melemparkan pelbagai fitnah kepada kerajaan dan parti," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata perbuatan golongan itu sebenarnya bukan didorong oleh Islam, tetapi oleh ketamakan untuk mendapatkan kuasa.

Katanya golongan itu sendiri telah mendapat nikmat daripada kerajaan, tetapi tidak sedikitpun mempunyai rasa syukur dan berterima kasih, bahkan mereka tergamak menanam perasaan benci pada kanak-kanak di peringkat tadika, pelajar sekolah dan universiti terhadap kerajaan dan pemimpin-pemimpinnya.

"Mereka memberi gambar orang-orang tertentu untuk dipijak-pijak oleh kanak-kanak tadika. Di peringkat sekolah dan universiti, mereka menghasut pelajar-pelajar sehingga anak orang Umno sendiri anggap perjuangan ibu bapa dalam Umno adalah salah.

"Bagi anak-anak ini, apa juga yang dibuat oleh ibu bapa mereka dianggap tidak cukup, malah ada yang mempertikaikan makanan di rumah halal atau tidak," katanya.

Dr Mahathir berkata semua ini dilakukan dengan tujuan apabila anak-anak ini dewasa, mereka akan menolak Umno yang telah begitu berjasa kepada mereka dan menerima parti lain yang kononnya menegakkan Islam.

"Saya amat kesal orang-orang yang berilmu dalam agama hanya berdiam diri, seolah-oleh orang Islam boleh menggunakan bahasa kesat dan mencarut," katanya.

Perdana Menteri berkata orang Melayu khususnya anggota Umno harus mengawasi kegiatan itu kerana jika tidak, anak-anak Melayu yang terhasut bukan sahaja menolak Umno, tetapi juga tidak lagi menghormati ibu bapa.

"Masyarakat Melayu akan berpecah dan terumbang-ambing," katanya.

Beliau berkata semua anggota Umno bertanggungjawab mengawal kegiatan

seperti itu dan mengambil tindakan mencegahnya.

Dr Mahathir memberitahu persidangan berita kemudiannya bahawa sudah banyak sifat orang Melayu ditukar.

"Dahulu mereka tidak menulis benda-benda kotor tetapi sekarang mereka bukan setakat tulis tetapi disuruh menggunakan perkataan kotor, kononnya dibenarkan oleh Islam," katanya.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri mengingatkan anggota Umno supaya menjadikan bangunan parti yang berdiri megah di setiap negeri dan daerah sebagai lambang kejayaan parti itu.

Katanya ini hanya akan dapat dicapai dengan memastikan Umno terus mendapat sokongan rakyat.

--BERNAMA

AZH ZKS MAI